

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
IKLAN RETENDER PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa Pra Kelayakan dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk **Cadangan Pembinaan Loji Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) di Lembaga Lada Malaysia Kuching, Sarawak (Reka dan Bina) (No. Tender: T/999/01/2021)**

2. **Keterangan Am Kerja**

Lokasi tapak bina terletak di **Lembaga Lada Malaysia, Jalan Utama, Bintawa Industrial Estate, Kuching Division, Sarawak.**

Skop kerja bagi projek ini adalah "***to planning, design, installation, construct, supervision, testing, commission and maintaining an industrial wastewater treatment plant to treat effluent discharge from the newly constructed pepper cleaning process plant of 6 Metric Tonnes per hour capacity and the effluent discharge must adhere to Standard B of Environmental Regulation, Malaysia.***"

Kerja akan dijangka dimulakan dalam bulan **September 2021** dalam tempoh penyiapan **12 Bulan**.

3. **Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan**

Pemohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor yang menepati syarat-syarat yang berikut:

i) PENDAFTARAN KONTRAKTOR

- a) Mempunyai pendaftaran yang sah seperti berikut:

CIDB (PPK & SPKK), Gred G4/G5/G6/G7, Category CE Specialization CE19 / Category ME Specialization M19 / M14

atau

UPKJ Class C/BX/B/A, Head V Subhead 2(b) / Head IV Subhead 3 dan CIDB (PPK), Gred G4/G5/G6/G7, Category CE Specialization CE19 / Category ME Specialization M19 / M14

- b) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.
- c) Tempoh pendaftaran hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi **TIGA (3) BULAN** dari Tarikh tutup pra kelayakan.

ii) KEUPAYAAN KONTRAKTOR

- a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *Nett Worth melebihi* **RM 400,000.00** atau Modal Pusingan melebihi **RM 200,000.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM 60,000.00**

- b) **Keupayaan Teknikal**

- Telah melaksanakan projek pembinaan yang ***serupa** dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tertinggi tidak kurang dari **RM 600,000.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas.
- Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.

- Tidak mempunyai projek-projek yang mana kemajuan pelaksanaan projek semasa kontraktor mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% dari tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana-mana yang terdahulu atau sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan adalah diberi keutamaan.
- Kontraktor hendaklah **BEBAS** daripada sebarang tindakan undang-undang seperti jenayah, senarai hitam, tatatertib dan litigasi daripada mana-mana badan kawal selia.

***serupa;-**

- *Kerja yang diliputi oleh kepala kerja dan sub kepala kerja yang sama seperti yang ditender.*
- *Kerja yang diliputi oleh kepala kerja dan sama tetapi sub-kepala kerja yang berlainan kerja yang ditender dan bersifat lebih kompleks.*

iii) PERUNDING KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not in-house consultants) seperti berikut;

a) Berdaftar dengan Lembaga Professional yang berkenaan

b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan

c) Berpengalaman dalam reka bentuk dalam bidang kerja yang sama seperti kerja yang ditender. (The tenderer under his employment shall engage a professional engineer to design and commission a fully functioning automated Industrial Effluent Treatment System, IETS Plant. The IETS plant design engineer shall be a competent person required under section 49A of Environmental Quality Act)

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Sarawak, Cawangan Ukur Bahan, Tingkat 12, Wisma Saberkas, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93582, Kuching, Sarawak semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah dan diberi kuasa sahaja. Untuk maksud ini wakil kontraktor dikehendaki membawa dokumen ASAL Perakuan Pendaftaran CIDB (PPK dan SPKK) dan UPKJ (jika berkenaan) beserta satu (1) salinan sijil-sijil tersebut.

5. Harga Dokumen Pra Kelayakan ialah **RM50.00** (Ringgit Malaysia **Lima Puluh Sahaja**) senaskah. Bayaran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan menyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:

Federal Central Tender Board, c/o Federal Financial Officer's Office, 16th Floor, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang 3, 93592, Kuching tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 29 Mac 2021.

**Datu Ir. Haji Zuraimi bin Haji Sabki
PENGARAH KERJA RAYA, SARAWAK**